

Bahasa Malaysia (910)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini adalah seramai 30333 orang. Peratusan calon yang lulus penuh adalah sebanyak 74.58 , iaitu menurun sebanyak 0.64 % berbanding dengan tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.25	6.57	9.27	11.86	13.23	13.18	11.91	8.02	6.48	4.83	7.4

RESPONS CALON

KERTAS 910/1 (ANEKA PILIHAN)

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	21	D	41	D
2	C	22	C	42	B
3	B	23	A	43	C
4	C	24	A	44	C
5	D	25	A	45	B
6	A	26	D	46	A
7	C	27	D	47	C
8	C	28	D	48	D
9	A	29	B	49	C
10	B	30	C	50	D
11	B	31	C	51	B
12	D	32	C	52	A
13	A	33	C	53	C
14	A	34	B	54	C
15	B	35	B	55	C
16	A	36	C	56	D
17	C	37	D	57	B
18	A	38	D	58	D
19	A	39	B	59	B
20	D	40	C	60	B

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 bagi tahun ini adalah baik. Terdapat tiga orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 57 markah daripada markah penuh 60 markah, dan terdapat sembilan orang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu 9 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, iaitu soalan 1 hingga 10, adalah baik. Tiga daripada soalan tersebut ialah soalan beraras mudah, kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan itu ialah soalan 1, 4, dan 5. Selain itu, terdapat dua soalan yang beraras sederhana, iaitu soalan 2 dan 3, serta lima soalan sukar, iaitu soalan 6, 7, 8, 9, dan 10.

Bagi soalan bukan petikan pemahaman, calon mendapati soalan 11, 13, 21, 22, 23, 37, 39, 50, 53, 55, dan 56 beraras mudah. Sementara itu, soalan 14, 15, 19, 20, 26, 31, 38, 40, 45, 48, 51, 59, dan 60 ialah soalan sukar. Soalan-soalan lain merupakan soalan yang beraras sederhana bagi calon.

Komen soalan demi soalan

Soalan 6

Segelintir calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen D sedangkan jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah A. Calon menganggap aspek peranan penggerak seni dalam memajukan industri tanah air merupakan fokus petikan kerana aspek ini dibincangkan oleh penulis pada perenggan akhir petikan. Sebanyak 22.4% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor D sebagai jawapan, manakala hanya 13.7% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen A sebagai jawapan.

Soalan 9

Bagi soalan ini, sebilangan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen D sebagai jawapan sedangkan jawapan yang tepat ialah A. Hal ini demikian kerana calon menganggap harapan penyajak terletak pada bahagian akhir puisi. Calon keliru dan menganggap baris 23, iaitu “Semua sangsi segala gusar kita rungkai membenam curiga” dan baris 24, iaitu “Semua waswas segala ragu kita lempar melebur prasangka” merupakan harapan penyajak. Sebanyak 9.1% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor D sebagai jawapan, manakala sebanyak 49.1% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen A sebagai jawapan.

Soalan 10

Ramai calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor D sebagai jawapan sedangkan jawapan yang tepat ialah B. Sebanyak 20.2% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor D sebagai jawapan, manakala sebanyak 35.5% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen B sebagai jawapan. Calon memilih distraktor D, iaitu “Titipan Terakhir Negarawan Terbilang” sebagai jawapan kerana calon keliru dengan frasa “Negarawan Terbilang” pada baris terakhir puisi.

Soalan 16

Bagi soalan ini pula, segelintir calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen B, sedangkan jawapan yang tepat ialah A. Sebanyak 11.1% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan, manakala sebanyak 69.0% calon daripada kumpulan ini juga memilih opsiyen A sebagai jawapan. Calon tidak memahami konsep pengekodan, iaitu proses menghasilkan satu variasi bahasa standard yang sempurna dan seragam dari aspek-aspek tatabahasa, ejaan, makna, dan sebutan. Oleh hal yang demikian, tujuan pengekodan adalah untuk menyeragamkan variasi dan korpus bahasa. Calon keliru dan memilih distraktor B, iaitu “menghasilkan istilah dalam bidang teknikal dan profesional” sebagai jawapan.

Soalan 19

Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah A. Namun demikian, ramai calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan. Wacana yang utuh ialah wacana yang memperlihatkan kesinambungan idea. Bagi distraktor B, petikan yang diberikan tidak memperlihatkan kesinambungan. Sebaliknya, wujud ulangan idea dalam petikan tersebut. Oleh hal yang demikian, petikan ini bukan sebuah wacana yang utuh. Sebanyak 41.7% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan, manakala sebanyak 37.2% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen A sebagai jawapan.

Soalan 37

Bagi soalan 37 pula, terdapat segelintir calon yang memilih opsiyen A, sedangkan jawapan yang tepat ialah D. Dari segi fakta, kata bilangan 'kelima-lima' membawa maksud himpunan. Namun demikian, calon tidak memahami maksud kata bilangan tersebut. Buktinya, calon memilih opsiyen A, iaitu "tingkat" sebagai jawapan. Contoh kata bilangan yang membawa maksud tingkat ialah "pertama". Sebanyak 5.5% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor A sebagai jawapan, manakala sebanyak 78.1% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen D sebagai jawapan.

Soalan 59

Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah B, namun terdapat segelintir calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan. Calon tidak dapat membezakan jenis peribahasa yang dikemukakan kerana calon tidak memahami konsep peribahasa dengan tepat. Contoh peribahasa yang dikemukakan ialah bidalan, iaitu peribahasa yang mengandungi erti selapis dan mengandungi pengajaran. Sebanyak 36.3% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan, manakala sebanyak 41.6% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen B sebagai jawapan.

KERTAS 910/2 (ESEI)

Komen am

Secara umumnya, prestasi calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Jika dibandingkan prestasi calon pada tahun ini dengan tahun sebelumnya, didapati bahawa pencapaiannya adalah lebih kurang sama. Calon yang pandai mampu memperoleh markah yang tinggi, manakala calon yang lemah memperlihatkan kelemahan yang tidak jauh bezanya dengan kelemahan yang dibuat oleh calon pada tahun yang lalu.

BAHAGIAN A: Karangan

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan tiga hingga lima isi penting dengan tepat dan relevan, tetapi kebanyakan calon tidak dapat mengembangkannya dengan jelas, tepat, berfokus, dan mantap. Terdapat huraian isi yang tidak berkaitan, berulang, bercampur aduk antara satu isi dengan isi yang lain, terlalu ringkas, menyimpang daripada isi utama, contoh yang diberikan tidak tepat, berulang, dan huraian terlalu meleret-leret. Secara umumnya, isi dan huraian yang diberikan adalah sederhana. Olahan dan perkembangan isi pada umumnya tidak kemas dan tidak dapat memperlihatkan kesinambungan idea dan kematangan serta kebernasan hujah. Di samping itu, terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang remeh-temeh ataupun sipi-sipi, malah terdapat juga isi yang langsung tidak berkaitan dengan kehendak tajuk.

Penguasaan bahasa calon secara keseluruhannya adalah sederhana. Pelbagai jenis kesalahan bahasa dapat dikesan. Dari segi perancangan pula, ramai calon yang jelas tidak merancang penulisan dengan rapi. Hal ini ketara kerana terdapat banyak karangan yang mengandungi isi yang berulang, kabur, bertindan,

tidak relevan, terbatas, sipi-sipi, umum, dangkal, menyeleweng, dan beberapa isi dimuatkan dalam satu perenggan atau beberapa perenggan membincangkan isi yang lebih kurang sama. Ketiadaan perancangan juga dapat dilihat daripada pemerenggan yang tidak seimbang, iaitu ada perenggan yang panjang berjela-jela kerana calon menghuraikan isi secara tidak terkawal, manakala perenggan lain pula terlalu pendek.

BAHAGIAN B: Rumusan

Secara umumnya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti isi utama (IU), tiga hingga empat isi sokongan (IS), dan kesimpulan (K) dengan tepat. Walaupun demikian, kelemahan yang nyata adalah dari segi olahan. Jawapan sesetengah daripada calon terikat dengan ayat-ayat dalam teks dan dalam pembahagian perenggan. Ada calon yang tidak dapat memisahkan perenggan antara isi utama dengan perenggan isi sokongan/sampingan dan dengan perenggan kesimpulan secara jelas dan betul. Dengan kata lain, calon meletakkan IU, IS, atau K pada tempat yang salah. Namun demikian, kesalahan merumuskan petikan dengan teknik yang salah, misalnya menokok tambah dan memberikan ulasan terhadap isi petikan didapati semakin berkurangan.

BAHAGIAN C: Alih Bentuk Teks

Secara keseluruhannya, pencapaian calon untuk bahagian ini pada tahun ini adalah sederhana. Tidak ramai calon yang mampu memperoleh 9 hingga 10 markah. Secara umumnya, calon mendapat markah antara 4 hingga 6 sahaja. Sungguhpun kebanyakan calon dapat memahami maksud teks dengan baik, tetapi calon lemah dari segi penggunaan bahasa dan olahan. Kebanyakan calon menghasilkan ayat-ayat yang tidak gramatis atau terikat dengan bahasa dalam teks. Selain itu, ramai calon yang mengalih bentuk teks dengan teknik yang salah. Calon memberikan ulasan, kupasan, interpretasi/tafsiran, menokok tambah, menceritakan kandungan teks semula, dan memasukkan penanda wacana bagi setiap ayat dalam jawapan.

BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi bahagian ini adalah lemah. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti satu hingga tiga kesalahan sahaja dan membetulkannya dengan tepat. Calon gagal menjelaskan sebab kesalahan dengan tepat. Oleh sebab demikian, majoriti calon hanya memperoleh markah antara 2 hingga 6, malah ada yang tidak memperoleh sebarang markah.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Karangan

Soalan 1

Soalan ini meminta calon menjelaskan sebab barangan luar negara mendapat tempat di hati pengguna di negara ini, walaupun Malaysia telah banyak mengeluarkan barangannya sendiri dan kesan yang timbul jika keadaan tersebut tidak diatasi. Ramai calon memilih soalan ini. Pencapaian calon untuk soalan ini adalah sederhana. Calon dapat mengemukakan isi yang berkaitan, misalnya antara sebab timbulnya gejala itu ialah barangan luar negara berkualiti, berjenama, sifat ingin menunjuk-nunjuk oleh pengguna, barangan import mudah didapati, dan harga sesetengah barangan adalah murah. Antara kesannya pula adalah menjejaskan perniagaan pengusaha tempatan, merugikan ekonomi negara, dan menyebabkan pengaliran keluar Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, kelemahan yang nyata ialah huraian bagi isi-isinya lemah, malah ada yang berulang, tidak berfokus, remeh, dan tidak relevan. Selain itu, ketara juga bahawa sesetengah calon sukar mengemukakan kesan negatif dengan tepat. Isi yang lebih bernas, misalnya hilangnya rasa bangga akan barangan keluaran negara sendiri dan berlakunya lambakan barangan import jarang dikemukakan oleh calon.

Kelemahan lain yang dikesan adalah terdapat calon yang tidak jelas dengan maksud perkataan import dan eksport kerana calon menyatakan bahawa keadaan tersebut akan menambah eksport kerana permintaan barangan import bertambah. Ada juga calon yang memberikan isi yang jauh kaitannya dengan tajuk, misalnya pembelian barangan luar negara disebabkan seseorang itu melancong ke negara luar dan kesannya pula akan mengurangkan kedatangan pelabur asing. Antara kesannya pula, dikatakan bahawa pembelian barangan import, seperti pakaian akan meruntuhkan akhlak remaja. Kelemahan yang lain ialah contoh-contoh yang diberikan itu salah. Ada juga calon yang membincangkan punca barangan tempatan tidak mendapat tempat di hati pengguna, bukannya sebab barangan import diminati.

Soalan 2

Soalan ini meminta calon menjelaskan faktor-faktor berlakunya gangguan mental. Ramai calon memilih soalan ini dan prestasi calon juga adalah sederhana. Seseengah calon berjaya mengemukakan isi yang bernas dan relevan dengan tajuk. Calon dapat mengemukakan isi-isi yang tepat berserta huraian yang jelas. Oleh itu, calon memperoleh markah yang baik. Calon dapat mengenal pasti bahawa antara faktornya ialah tekanan yang dihadapi, pengalaman lampau yang tragis, genetik, amalan hidup tidak sihat, kekecewaan yang tidak dapat dibendung, persekitaran yang buruk, dan sebagainya.

Kelemahan yang nyata ialah calon sukar mengembangkan isi, terutamanya isi yang berkaitan dengan faktor genetik. Hal ini mungkin kerana pengetahuan calon dalam bidang sains dan biologi adalah kurang. Selain itu, ada juga calon yang tidak dapat membezakan punca gangguan mental dengan masalah penyakit mental. Calon beranggapan bahawa kedua-duanya adalah sama. Terdapat juga calon yang menganggap sebab berlakunya penyakit fizikal sebagai sama dengan punca gangguan mental, misalnya pengambilan makanan yang tidak seimbang, pengambilan makanan yang banyak mengandungi bahan kimia, tidak bersenam, dan lain-lain sebagai punca gangguan mental. Selain itu, ada juga calon yang mengemukakan contoh-contoh sebagai isi utama faktor gangguan mental, seperti gangguan mental berpunca daripada gejala putus cinta, dimarahi oleh ibu bapa, perceraian ibu bapa, tidak cukup tidur, kesesakan lalu lintas, dan bunyi bising. Kesalahan lain yang juga dapat dikesan ialah calon mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah gangguan mental, terutamanya dalam bahagian huraian. Isi ini tidak relevan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dua perkara, iaitu kepentingan mengadakan peraduan mengarang dan mencadangkan cara untuk menggalakkan penyertaan orang ramai dalam peraduan tersebut. Tidak ramai calon yang menjawab soalan ini dan prestasi calon adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi dapat memberikan isi yang baik, misalnya kepentingan mengadakan peraduan mengarang ialah bakat penulisan dalam kalangan peserta dapat dicungkil, peningkatan pengetahuan melalui kajian dan penyelidikan yang dibuat untuk menghasilkan penulisan, serta peningkatan martabat bahasa dan seni sastera kebangsaan. Calon yang lemah mengaitkannya dengan pengurangan masalah remaja dalam gejala sosial dan dadah serta dikatakan juga peraduan itu dapat mempererat perpaduan antara kaum. Ada juga calon yang memfokuskan perbincangan kepada peraduan mengarang di peringkat sekolah sahaja.

Isi yang berkaitan dengan cadangan juga lemah. Ramai calon hanya berfokus kepada langkah memperbanyak pertandingan di sekolah dan peranan ibu bapa dan pihak sekolah untuk mendorong anak-anak menyertai peraduan yang sedemikian. Terdapat juga calon yang memberikan cadangan agar pertandingan itu dijalankan pada semua peringkat dan semua lapisan masyarakat. Terdapat calon yang mengemukakan isi yang lemah untuk cadangan. Contohnya, calon hanya mencadangkan pemberian sijil semata-mata kepada peserta. Tegasnya, calon gagal mengemukakan cadangan yang menarik dan bernas dalam karangan mereka.

Soalan 4

Soalan ini merupakan soalan yang kurang dipilih oleh calon. Tidak ramai calon menjawab soalan ini dan prestasi calon amat sederhana. Jawapan calon lebih tertumpu kepada kebaikan penggunaan Internet. Hal ini demikian disebabkan calon tidak memahami konsep sebenar Inisiatif Jalur Lebar. Walau bagaimanapun, sebahagian besar isi tentang kebaikan penggunaan Internet bersesuaian dengan manfaat penggunaan jalur lebar. Oleh itu, hal ini membolehkan calon mendapat markah yang baik. Oleh sebab tajuk ini berformat ceramah, terdapat calon tidak menulis pendahuluan atau menganggap kata alu-aluan sebagai pendahuluan karangan.

BAHAGIAN B: Rumusan

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon merumuskan petikan yang diberikan. Rumusan perlu dibuat dalam tiga perenggan dengan jumlah perkataan antara 180 hingga 190 patah kata dan kandungannya masih mengekalkan isi dalam petikan yang diberikan.

Secara umumnya, prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti isi dengan tepat, mengemukakan tiga hingga empat isi sampingan dengan lengkap, dan seterusnya mengenal pasti kesimpulan dengan tepat. Ramai calon berjaya memperoleh markah antara 10 hingga 15. Hal ini jelas daripada kemampuan calon memberikan isi sokongan dengan tepat, terutamanya isi sokongan 1, isi sokongan 2, dan isi sokongan 3, manakala bagi isi sokongan 4 dan isi sokongan 5, hanya sesetengah calon yang dapat memberikannya dengan tepat dan lengkap. Calon yang lain pula hanya menyentuh sebahagian daripada isi. Terdapat juga calon yang gagal mengemukakan inti pati sesuatu isi utama, isi sokongan, atau kesimpulan dengan lengkap. Contohnya bagi isi utama, calon hanya dapat memberikan dua daripada lima inti pati yang ditetapkan dalam skema jawapan.

Dari segi bahasa dan persembahan pula, secara umumnya prestasi calon adalah sederhana. Calon boleh menulis dalam jumlah perkataan yang ditetapkan dengan persembahan isi yang teratur. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang gagal memaparkan isi-isi yang tepat dan lengkap dengan jalinan yang kemas, lancar, dan berkesinambungan dari segi idea. Hal ini demikian kerana sesetengah calon hanya menyalin semula dan menggabungkan ayat-ayat dalam petikan, menjadikan ayat yang terhasil bukan sahaja tidak gramatis, malah menyebabkan isinya tidak tepat. Tegasnya, bahasa calon memperlihatkan kesalahan tatabahasa, seperti kesalahan struktur ayat, kesalahan diksi, ejaan, tanda bacaan, dan lain-lain.

Dari segi teknik merumus pula, secara keseluruhannya, calon memahami konsep merumus yang sebenar. Walaupun terdapat calon yang tidak memahami kandungan sebenar petikan, namun tidak ramai calon yang menokok tambah fakta, mengulas fakta, atau memasukkan idea dan kesimpulan calon sendiri dalam jawapan. Dari segi pemerenggan, ramai calon yang menulis ketiga-tiga perenggan dengan kepanjangan yang lebih kurang sama dan menulis semua isi dalam satu perenggan. Selain itu, ada juga segelintir calon menempatkan isi utama, isi sokongan, dan kesimpulan pada tempat yang salah.

BAHAGIAN C: Alih Bentuk Teks

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon mengalih bentuk teks iklan yang diberikan ke dalam teks prosa moden. Ramai calon yang menjawab soalan ini, dan prestasi calon adalah sederhana. Calon mendapat markah antara 4 hingga 7. Walaupun secara keseluruhannya calon dapat memahami maksud atau mesej iklan tersebut, tetapi kebanyakan calon gagal mengalih bentuknya dengan baik.

Terdapat calon yang tersalah tafsir tentang hadiah anugerah, iaitu calon mentafsir bahawa setiap anugerah mempunyai hadiah yang tertentu. Jawapan yang bersifat laporan, ulasan/tafsiran dan mengandungi tokoh tambah merupakan kesalahan yang wujud. Sebagai contoh, calon memulakan jawapan dengan frasa, “Iklan di atas menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan akan mengadakan...”, “Iklan itu berkaitan dengan...”, dan frasa yang mengandungi ulasan, seperti “Pertandingan itu menawarkan hadiah yang berupa...”, “Kementerian akan mengadakan majlis anugerah...”, “Penerima anugerah akan membawa pulang hadiah...”, dan yang seumpama dengannya.

Calon keliru pada bahagian “Anugerah Khas” dan bahagian “catatan”. Ramai calon melakukan kesilapan pada bahagian ini. Sebab utama ramai calon tidak mendapat markah yang baik adalah kerana kelemahan bahasa dan pengolahan. Ayat-ayat calon masih terikat dengan bahasa dalam teks. Calon tidak memberikan perhatian terhadap kepentingan untuk membina ayat-ayat yang gramatis dalam bahagian ini.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon mengalih bentuk teks perbualan. Ramai calon memilih soalan ini dan prestasi mereka adalah sederhana. Calon dapat memahami teks dengan agak baik, tetapi secara umumnya mereka tidak dapat mengalih bentuknya dengan jelas, tepat, dan menggunakan bahasa yang gramatis dan berkesan.

Kelemahan calon yang ketara bagi soalan ini adalah dari segi teknik menjawabnya. Ramai calon yang menokok tambah, mentafsir atau mengulas, menyimpulkan, dan menceritakan kandungan teks semula sehingga menjadikan jawapan mereka panjang dan membosankan. Antara contoh jawapan yang sedemikian ialah calon menulis, “Salim baru saja berada di warung Pak Mat...” (ulasan), “Salim memanggil nama Long beberapa kali untuk mengajak Sulong minum dahulu kerana hari lagi awal...” (melapor/menceritakan semula), “Salim memanggil Pak Mat untuk menyediakan minuman bagi Sulong...” (mengulas), “Salim mengagak bahawa Sulong sudah mengetahui masalah Junid...” (mentafsir), dan “Calon minum di warung Pak Mat.” (melapor). Selain itu, calon juga sering memberikan penanda wacana, seperti selepas itu, kemudian, seterusnya, setelah itu, juga, di samping itu, dan lain-lain sedangkan penggunaan penanda wacana adalah tidak perlu.

Dari segi bahasa, kelemahan yang ketara ialah aspek binaan ayat. Terdapat binaan ayat yang terlalu panjang kerana calon menyambung-nyambungkan ayat ucapan lisan dalam teks. Terdapat juga calon yang mengalih bentuk teks terlalu pendek, seperti dialog dalam teks. Kelemahan yang ketara ialah calon gagal menghasilkan ayat cakap pindah yang betul. Sebaliknya, calon mencampuradukkan bentuk cakap ajuk dangan cakap pindah sehingga menjadikan ayat yang terhasil tidak gramatis. Sebagai contoh, calon menggunakan pemendekan kata, seperti “nak”, “tau”, “kat”, “ni”, dan “tak” dalam jawapan. Ayat-ayat yang dihasilkan oleh calon juga umumnya merupakan ayat yang terikat pada ayat bahasa lisan tak formal.

BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa

Soalan 8

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Purata markah yang diperoleh majoriti calon adalah antara 4 hingga 8 markah. Tidak ramai calon yang memperoleh markah 10 dan ke atas.

Kebanyakan calon hanya dapat mengesan dua atau tiga kesalahan dan membuat pembetulan dengan tepat. Namun demikian, calon gagal menjelaskan sebab kesalahan. Antara kesalahan yang umumnya dapat dikenal pasti dan dibetulkan oleh calon ialah “mengenengahkan”, “adalah merupakan”, dan ayat “Dengan itu, dapat menimba...”. Kesalahan yang pertama yang berkaitan dengan frasa “saling berkait rapat antara satu dengan yang lain” nampaknya sukar dikenal pasti oleh kebanyakan calon. Frasa ini sebenarnya

mengandungi unsur lewah. Jawapan calon kebanyakannya tidak tepat kerana calon beranggapan bahawa yang salah ialah “berkait rapat antara satu dengan yang lain” dan bahagian yang salah ialah kata “dengan” yang menurut calon patut digantikan oleh perkataan “sama”. Kesalahan yang terakhir, iaitu “...memikirkan cara untuk memajukan lagi bidang kokurikulum...” juga sukar dikesan oleh calon. Di samping itu, ramai calon menganggap bahawa kata “menjanakan” adalah salah penggunaan imbuhan dan yang betulnya ialah “menjana”. Jawapan ini tidak betul.

Seperti biasa, ramai juga calon yang mengemukakan jawapan secara serkap jarang, iaitu calon menulis kesalahan yang kononnya dapat dikenal pasti dengan begitu banyak, dengan harapan bahawa ada antaranya merupakan jawapan yang betul. Jawapan sedemikian memperlihatkan calon tidak pasti akan bentuk-bentuk bahasa yang salah dan pada hakikatnya, calon belum menguasai tatabahasa bahasa Melayu.

Satu lagi kesalahan yang sering dilakukan oleh calon adalah tidak menunjukkan aspek bahasa yang dikatakan salah itu dengan jelas dan tepat. Calon tidak menggariskan bahagian yang salah dengan tepat. Tidak kurang juga, ramai calon yang memberikan jawapan yang salah untuk sesuatu bentuk bahasa yang betul. Ayat dalam penjelasan sebab kesalahan juga banyak yang salah, misalnya ‘perkataan’ dikatakan sebagai “ayat”, “morfofonem” dikatakan sebagai “imbuhan” atau “perkataan”, “frasa” diistilahkan sebagai “ayat”, “subjek” dikatakan “objek”, kata tugas “lagi” dikatakan sebagai “kata adjektif”, “kata penguat”, dan sebagainya. Sesetengah calon yang amat lemah tidak mendapat sebarang markah untuk bahagian ini.